

Tumbuk Kalang

ABDUL RAZAK HASSAN*

Masa dan Tempat Persembahan Tumbuk Kalang

BAGI masyarakat pesawah padi, musim berpesta adalah musim menuai padi. Pada masa ini anggota masyarakat bergembira kerana mendapat hasil dari titik peluh yang telah dicurahkan di sawah ladang buat sekian lamanya. Biasanya, setiap kali musim menuai padi menjelang tiba, mereka akan mengadakan temasya mengemping padi yang dimeriahkan dengan permainan Tumbuk Kalang. Selain dari permainan Tumbuk Kalang, terdapat lagi beberapa permainan yang mengiringi upacara-upacara yang dijalankan oleh anggota-anggota masyarakat tani Negeri Sembilan seperti yang dihuraikan:

'Musim menuai padi disambut dengan rasa gembira dan kesyukuran. Anak-anak muda menghiburkan hati mereka dengan meniup salung dan di waktu malangnya mereka bertemu pula di temasya mengemping padi dan menumbuk kalang.

Dalam kehidupan rumahtangga, mereka dikurniakan anak. Yang lelakinya dihantar mengaji Quran dan apabila tiba ketikanya anak tersebut perlu pula dikhatankan. Majlis berkhatan dijalankan dengan cara tradisi. Anak yang hendak dikhatankan itu dimuljakan. Ia diarak dengan dikir rebana dari rumah guru mengaji. Untuk kenduri itu pula dimeriahkan pula dengan tarian randai dan paluan caklempong yang mengiringi tarian lilin.

Kanak-kanak telah dikhatankan, kenduri telah selesai tapi penat lelah bekerja masih belum hilang lagi. Kerana itu, bongai/rentak kuda diadakan di mana di dalamnya diperlihatkan keindahan gabungan antara keaslian dan berpantun di dalam irama lagu yang merdu dan menarik.'

Jadi permainan Tumbuk Kalang ini diadakan oleh masyarakat pesawah padi setahun sekali, iaitu di musim menuai padi. Permainan ini biasanya diadakan pada waktu malam selepas bersembahyang Isyak dan ianya akan

* Siswazah Jabatan Pengajian Melayu 1984/85. Penyelidikan telah dijalankan pada tahun 1984.
1 Dipetik dari sinopsis aturcara persembahan 'Malam Muzik Tradisional Negeri Sembilan' anjuran bersama PERKESAPP dan Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan, di Kompleks Pelbaiguna Paroi, Seremban, 20 Ogos, 1976.

tamat bila pemain-pemain bersurai. Walau bagaimanapun adakalanya permainan ini diteruskan hingga menjelang pagi. Kerap kali permainan Tumbuk Kalang diadakan dari satu rumah ke satu rumah dan memakan masa beberapa malam lamanya.

Permainan Tumbuk Kalang tidak memerlukan tempat yang khas seperti pentas atau sebagainya. Ia boleh dimainkan di tengah halaman rumah iaitu di satu kawasan yang lapang. Permainan ini juga dipersembahkan semasa temasya mengemping padi yang diadakan di rumah induk² bagi sesuatu keluarga itu. Jadi di sinilah akan berkumpul semua anggota perut³ untuk melibatkan diri dalam temasya mengemping dan bermain Tumbuk Kalang. Namun begitu terdapat juga anggota perut lain yang turut hadir dalam temasya itu. Selain dari temasya mengemping, permainan Tumbuk Kalang juga diadakan di rumah orang-orang yang menggemari permainan itu dan sesiapa saja yang berminat akan datang untuk turut serta di dalam permainan tersebut. Tetapi pada hari ini, permainan Tumbuk Kalang tidak lagi terdapat di majlis mengemping padi seperti yang diadakan pada masa dahulu. Ini adalah kerana tidak ada lagi majlis mengemping padi di kampung-kampung pesawah padi di Negeri Sembilan. Permainan Tumbuk Kalang kini telah dipersembahkan pada masa-masa yang tertentu saja seperti di majlis kesenian dan menyambut tetamu atau orang kenamaan yang datang melawat atau merasmikan sesuatu majlis di kampung tersebut. Juga permainan Tumbuk Kalang ini dipersembahkan di atas pentas di dewan sekolah di hari-hari perayaan sekolah dan sebagainya.


Jenis-jenis Paluan Antan Tumbuk Kalang

Menurut ketua kumpulan Tumbuk Kalang di Felda Pasir Besar, Encik Mohd Said bin Gantang, jumlah pemain Tumbuk Kalang bergantung kepada lagu-lagu yang dipersembahkan misalnya, terdapat empat orang pemain dalam lagu 'Tiga Beranak'. Empat orang pemain alat Tumbuk Kalang ini ialah seorang ahli tumbukan 'melalu', seorang lagi ahli 'menganak/meningkah' dan dua orang ahli 'membapak'. (lihat rajah 1). Di dalam proses belajar bermain Tumbuk Kalang ini, ketua kumpulan itu berfungsi sebagai guru untuk membimbing pemain-pemainnya cara-cara bermain alat-alat Tumbuk Kalang. Contohnya tumbukan 'melalu' adalah tumbukan antan kecil secara tumbukan satu demi satu yang berterusan di atas permukaan kanan lesung Tumbuk Kalang, manakala tumbukan 'meningkah' adalah tumbukan antan panjang secara tumbukan dua kali berturut-turut dan berterusan di atas permukaan kiri lesung Tumbuk Kalang dan tumbukan membapak pula merupakan tumbukan antan pendek ke bahagian kanan atau kiri badan lesung Tumbuk Kalang secara satu-satu atau dua kali berturut-turut dan kadang-kadang bercampur antara kedua-duanya. Di dalam membuat tumbukan ini, guru itu akan menunjuk dan menerangkan secara lisan kepada pemain-pemain itu cara membuat tumbukan dan bahagian lesung yang mesti ditumbuk atau diketuk dengan antan. Pemain-pemain itu akan

2 Induk bermaksud adik beradik perempuan kepada emak ego atau emak sanak ibu.

3 Perut bermaksud unit kekeluargaan dimana anggota perut mengaku dan percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama.

mencuba sendiri membuat ketukan dan tumbukan yang telah diterangkan sementara ketua kumpulan akan memerhati dan membetulkan cara-cara ketukan atau tumbukan yang salah. Latihan ini dijalankan secara berterusan sehingga semua ketukan atau tumbukan yang dibuat itu betul pada rentaknya.



Rajah 1
Jenis-jenis Tumbukan Antan Tumbuk Kalang

Antan	Jenis Tumbukan	Bahagian yang ditumbuk
A	Melalu	Di satu bahagian atas permukaan hujung lesung
B	Meningkah	Di satu bahagian atas permukaan hujung lesung
C	Membapak	Di kiri kanan bahagian badan lesung

Setelah berjaya mempelajari tumbukan yang asas itu, ketua kumpulan akan menunjukkan cara-cara menumbuk lesung Tumbuk Kalang untuk satu-

satu lagu tertentu. Proses pembelajaran pada peringkat ini agak sukar kerana setiap pemain itu mestilah mempunyai daya kemahiran dan memahami rentak tumbukan atau ketukan yang berbagai itu. Peranan ketua menjadi amat penting sekali untuk membetulkan setiap ketukan yang sumbang. Setelah berlatih beberapa lama dengan bimbingan serta tunjuk ajar maka pemain-pemain itu akan dapat mengetuk antan dengan baik untuk mewujudkan satu rentak irama lagu yang tersusun dan harmoni.

Menurut Mohd Ghouse Nasaruddin, ahli-ahli muzik etnik memainkan sesuatu lagu itu dengan cara menghafal tanpa menggunakan notasi yang tertentu.⁴ Ianya disampaikan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Ini adalah kerana tidak ada sistem notasi muzik etnik Melayu kecuali Gamelan Batu Pahat yang menggunakan angka-angka sebagai notasi dan lebih rumitkan ialah tidak ada piawai yang tetap di dalam pembuatan alat-alat muzik itu yang selalunya diperbuat oleh ahli-ahli muzik sendiri. Namun di dalam kumpulan Tumbuk Kalang di Felda Pasir Besar, ketua kumpulan itu selain dari mengajar secara lisan telah juga menggunakan notasi yang diciptanya untuk mengajar pemain-pemain Tumbuk Kalang. Dengan menggunakan notasi ini, setiap pemain itu akan diterangkan cara-cara membuat tumbukan dan ketukan berdasarkan kepada notasi tersebut.

Selain dari itu, menurut kajian Abdul Jalil bin Salim, *Peralatan Muzik Tradisional Negeri Sembilan*, proses mempelajari permainan Tumbuk Kalang memerlukan dua orang guru dan enam orang pemain.⁵ Kedua-dua orang guru ini akan mengajar jenis tumbukan yang berpasang-pasang seperti membapak dan meningkah. Seorang daripada guru itu akan mengajar seorang daripada pemain menumbuk di satu bahagian hujung lesung dengan cara tumbukan satu-satu berterusan dalam rentak yang sama. Tumbukan ini dinamakan 'mencincang atau melalu'. Manakala seorang guru lagi akan mengajar pemain yang kedua menumbuk di bahagian hujung lesung yang satu lagi. Pemain ini dikehendaki membuat tumbukan 'meningkah' kepada tumbukan pemain yang pertama tadi. Kedua-dua pemain ini akan terus mengetuk antan untuk menimbulkan irama yang harmoni. Selain dari itu, dua orang pemain lagi akan diajar membuat tumbukan di bahagian tepi bersententangan dengan kiri-kanan lubang lesung. Ketukan ini dinamakan 'membapak'. Dua orang pemain lagi akan diajar membuat tumbukan di bahagian muka lesung. Kedua pemain ini berperanan untuk menambahkan bunga-bunga lagu serta melengkapkan lagu yang sedang dipersembahkan. Tumbukan ini dinamakan 'keriket'. Pemain-pemain itu akan terus berlatih untuk mewujudkan lagu-lagu yang tersusun dan harmoni.

Cara Persembahan Tumbuk Kalang

Persembahan Tradisi

Dalam persembahan Tumbuk Kalang di kalangan masyarakat tradisional, alat muzik yang digunakan hanyalah sebuah lesung emping dan

4 Mohd Ghouse Nasaruddin, 'Musik Ethnik Malaysia', *Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1976, hlm. 165.

5 Abdul Jalil b. Salim, *Peralatan Muzik Tradisional Negeri Sembilan*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu 1977/78.

beberapa batang antan serta seruling. Di dalam permainan ini, seorang dari peserta akan meniup seruling manakala tiga atau empat orang lagi akan menumbuk bahagian badan lesung dengan antan. Peniup seruling akan memulakan permainan itu dengan meniup serulingnya. Kemudian diikuti dengan tumbukan antan yang pertama dengan cara tumbukan satu-satu berterusan atau dikenali dengan tumbukan 'melalu' di satu bahagian hujung permukaan lesung. Sementara itu pemain yang berikutnya akan membuat tumbukan berturut dan berterusan yang dikenali sebagai 'meningkah' di satu bahagian lagi permukaan hujung lesung itu. Dan seorang pemain lagi akan membuat tumbukan yang dikenali sebagai 'membapak' di bahagian kiri atau kanan badan lesung itu. Tumbukan ini adalah untuk menambah corak irama tumbukan antara yang pertama dan kedua. Kombinasi dari tumbukan antan-antan ini menghasilkan satu rentak irama yang harmoni. Di samping bersukaria dengan rentak irama tumbukan itu, ada di antara mereka yang berbalas-balas pantun di antara satu sama lain. Di antara pantun yang terdapat di dalam permainan Tumbuk Kalang itu adalah seperti berikut:

Ayam didik di muka pintu,
pisang embun di bawah rumah,
ayuhai adik bukalah pintu,
abang berembun di bawah rumah.

Ayam didik di muka pintu,
ibunya bertelur di pangkal dedap,
macamana adik nak buka pintu,
ibu dan ayah belum lelap.⁶

Permainan Tumbuk Kalang ini akan diteruskan hingga pukul satu atau dua pagi dan setelah mereka berasa penat barulah bersurai dan pulang ke rumah masing-masing.

Persembahan Taridra

Di dalam persembahan taridra Tumbuk Kalang mengandungi muzik, nyanyian dan tarian. Sebelum persembahan diadakan, pemain-pemain yang terdiri dari pemuzik, penyanyi dan penari akan mengadakan latihan di waktu malam antara pukul 8.30 hingga 11.00 malam. Di dalam latihan ini, pemuzik-pemuzik akan berlatih menumbuk antan untuk mengwujudkan satu kombinasi rentak dan irama yang harmoni di antara ketukan dan tumbukan antan-antan lesung, paluan rebana, ketukan gong dan caklempong serta tiupan seruling. Penyanyi-penyanyi pula berlatih menyanyi mengikut rentak lagu yang dimainkan oleh pemuzik Tumbuk Kalang itu. Sementara penari-penari berlatih gerak-geri langkah yang sesuai dengan lagu dan rentak irama muzik Tumbuk Kalang.


Sebelum persembahan dimulakan, alat-alat muzik disusun. Di bahagian kiri lesung Tumbuk Kalang ialah alat muzik Rebana dan Seruling manakala di bahagian kanannya pula ialah alat muzik Gong, dan Caklempong. (lihat

⁶ Mohd Saïd bin Gantang, 'Sejarah Permainan Tumbuk Kalang,' *Warisan*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan, 1984, hlm. 29.

rajab 2). Peniup Seruling akan memulakan persembahan dengan meniup serulingnya yang merupakan muzik latar yang mengiringi kata-kata pengenalan.

Sebaik saja selesai kata-kata pengenalan, pemain-pemain lesung Tumbuk Kalang akan memulakan ketukan serta tumbukan mereka dengan seorang pemain membuat tumbukan di bahagian atas hujung lesung dengan cara tumbukan satu-satu dan berterusan atau tumbukan 'melalu'. Seorang pemain lagi yang berada di satu bahagian hujung lesung itu juga akan mengikut rentak tumbukan di bahagian atas permukaan hujung lesung dengan cara meningkah tumbukan pemain yang pertama tadi atau tumbukan 'meningkah'. Dua orang pemain lagi duduk bertenggong di atas kedua tumit kaki di sebelah menyebelah lesung tersebut. Mereka akan menumbuk bahagian tepi badan lesung itu. Seorang darinya akan membuat ketukan di bahagian atas permukaan lesung secara berselang-seli dengan ketukan di bahagian tepi badan lesung itu. Tumbukan kedua-dua pemain itu merupakan tumbukan yang menambah corak irama atau bunga-bunga lagu di dalam persembahan. Tumbukan dan ketukan pemain-pemain lesung ini akan berterusan sehingga sesebuah lagu itu tamat.

Pemain Rebana pula akan memulakan paluan rebananya setelah dua orang pemain lesung yang pertama membuat tumbukan mereka. Rebana dipalu mengikut rentak yang dihasilkan oleh lesung dan antan-antan Tumbuk Kalang. Alat caklempong dimainkan serentak dengan paluan rebana



Rajah 2
Kedudukan Alat-alat Muzik Dalam Persembahan Taridra

tadi. Dua orang pemain caklempong akan mengetuk alat itu sesuai dengan rentak tumbukan antan-antan Tumbuk Kalang itu. Persembahan ini akan diselang-seli dengan paluan gong yang bertindak sebagai penanda masa. Dari kombinasi alat-alat muzik itu lahirlah satu rentak yang tersusun dan harmoni.

Dalam bahagian nyanyian, dua orang penyanyi yang terdiri dari seorang lelaki dan perempuan memulakan nyanyian dengan melafazkan kata-kata pengenalan yang hanya diiringi oleh tiupan seruling. Setelah itu apabila muzik Tumbuk Kalang dimulakan penyanyi-penyanyi ini akan menyanyikan rangkap-rangkap pantun dengan cara berselang-seli di antara penyanyi lelaki dan penyanyi wanita. Bahagian korusnya pula akan dinyanyikan oleh beberapa orang penyanyi lain.

Persembahan Taridra Tumbuk Kalang juga diiringi oleh tarian yang ditarikan oleh beberapa orang penari yang terdiri dari lelaki dan perempuan. Misalnya dalam lagu Tiga Beranak, terdapat tujuh orang penari. Tarian ini akan dimulakan sebaik saja penyanyi-penyanyi mula menyanyikan lagu itu. Tiga orang penari lelaki akan keluar dengan gerak geri serta langkah-langkah kaki yang tertentu yang memperlihatkan gaya-gaya yang sesuai berdasarkan tema lagu yang dinyanyikan. Selepas itu empat orang penari, dua orang lelaki dan dua orang perempuan akan masuk dan menari bersama dengan tiga orang penari yang awal tadi mengikut rentak dan gaya yang sama yang pada keseluruhannya menggambarkan kegiatan menanam padi seperti mencangkul sawah, menyemai benih padi, mengubah benih padi, merumput, menuai dan mengemping padi.

Persembahan Taridra Tumbuk Kalang ini dapat diterangkan dengan jelas berdasarkan rajah berikut:

Persembahan Taridra Lagu Tiga Beranak Iringan Tumbuk Kalang

Peserta: Pemuzik : 8 orang (Lelaki)
 Penyanyi : 2 orang (1 lelaki dan 1 perempuan)
 Penari : 7 orang (3 lelaki dan 4 perempuan)

Persembahan Taridra ini dirakamkan di pentas Dewan sekolah Menengah Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan pada 27.8.1985.

SENKATA LAGU	MUZIK INSTRUMENTAL	TARIAN
	Seruling memainkan melodi yang diimprovisasikan sambil kata-kata pengenalan diucapkan.	

**KATA-KATA
 PENGENALAN:**

Penyanyi I (Lelaki)
 Duduk berpelarasan dekat rumah dekat kampung.

Halaman sepermainan,
perigi sepermandian.
Faham sesuai benar
seukur, bulat segolek
pipih selayang. Kalau
menyerudup sama tunduk
bila melompat sama patah.
Sesusun bak sirih, serumpun
bak serai. Ibarat labu
menjalar ke hulu umpama
kundur menjalar kehilir,
pangkal sama dipujuk
pucuk sama direntas. Laba
sama dirasa rugi di-
tanggung sama.

Penyanyi II (Perempuan)
Dalam pada itu, diharuskan
pula semenda menyemenda.
Di tengok dari dua lapang,
lapang hukum dan lapang
adat. Hukum tak
menghambat adat tak
menghalang. Risik yang
berdesus, duai yang
berkecapi. Sebentuk
cincin menanya emak
dan bapanya, dua bentuk
cincin sesekata.
Sesekata janji diikat kata
dibuat. Dalam janji di-
gaduhkan, sampai janji
ditepati. Ikan di laut
asam di gunung dalam
belanga bertemu juga.
Ketika yang baik saat
yang bahagia, Ujang dan
Dara hidup bersama.

Penyanyi II (Perempuan)
Pusaka berwarisan, harta
berterusan. Maka inilah dia
pinang yang sejajar, nyiur
yang sebatang, kampung
sesudut sawah sejenjang.
Pesan dan bertaruh tempat
semenda, jaga dan pelihara-
lah yang ada. Tokok
tambahlah mana yang
kurang. Bila musim
menjelang, tiga beranak
pun turun ke bendang.

Lesung dan antan, rebana,
caklempong dan gong
mengiringi nyanyian
Lagu Tiga Beranak (lihat

transkripsi lagu ini yang dilampirkan)
Alat Caklempong dan rebana memainkan corak irama lesung dan antan lagu Tiga Beranak.

Lagu Tiga Beranak dinyanyikan seperti dalam transkripsi lagu yang dilampirkan.

Penyanyi I (Lelaki)

Tiga beranak musim ke sawah.

Tiga Beranak musim ke sawah.

Buat semaian tepi perigi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah, anak dan emak serta abah, siap semaian menyemai padi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang padi ke sawah padi;

Penyanyi 2 (Perempuan)

Tiga Beranak musim ke sawah.

Tiga beranak musim ke sawah, mencangkul meluluk sawah menjadi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah, anak dan emak serta abah, orang menolong kanan dan

Korus: Cantik manis gunung payung sayang padi ke sawah padi.

Penyanyi I (Lelaki)

Tiga beranak musim ke sawah

Tiga beranak musim ke sawah

Mengubah padi sawah menjadi

Korus: Cantik manis gunung payung sayang padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah.

Anak dan emak serta abah.

Turun pula merumput padi.

Tiga orang penari yang terdiri dari seorang bapa, emak dan anak. Mereka menari dengan gerak-geri yang menggambarkan kerja-kerja membuat tapak semaian seperti mencangkul dan juga gaya menyemai benih-benih padi.

Tiga orang penari terus menari dengan gaya yang menggambarkan kerja-kerja mencangkul sawah. Disamping itu, empat orang penari lain yang terdiri dari dua orang lelaki dan dua orang perempuan masuk ke pentas dan menari bersama dengan tiga orang penari yang awal tadi dengan menggayakan membantu kerja-kerja mencangkul sawah.

Ketujuh-tujuh orang penari itu terus menari dengan menggayakan kerja-kerja mengubah dan merumput padi.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Penyanyi II (Perempuan)

Tiga beranak musim ke sawah
Tiga beranak musim ke sawah
Pasang ubur tengah hari.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah.
Anak dan emak serta abah,
halau burung habis lari.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Penyanyi I (Lelaki)

Tiga beranak musim ke sawah
Tiga beranak musim ke sawah
Rendang padi dalam kuali.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
tumbuk padi emping menjadi.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Penyanyi II (Perempuan)

Tiga beranak musim ke
sawah,
Tiga beranak musim ke
sawah, hidangan makan masa
kenduri.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah
selamat ke sawah setahun
lagi.

Korus: Cantik manis gunung
payung sayang padi
ke sawah padi.

Di sini semua penari
terus menari dan menggayakan
gerak memasang ubur
dan menghalau burung.

Penari-penari terus menari
dan menggayakan kerja-kerja
mengemping seperti meren-
dang padi, menumbuk
emping dan menampi emping.

Penari-penari terus menari
dengan gerak-geri dan
lenggang-lenggok serta
terus menamatkan tarian.

Lagu-lagu Dalam Tumbuk Kalang

Di dalam permainan Tumbuk Kalang, terdapat tiga puluh buah lagu⁷ yang boleh dipersembahkan. Menurut Encik Mohd Said bin Gantang, ketua kumpulan Tumbuk Kalang Felda Pasir Besar, lagu-lagu Tumbuk Kalang itu

7 Lihat senarai lagu, Lampiran 1.

menggambarkan kehidupan masyarakat kampung pada masa dahulu khususnya dari segi sosial dan ekonomi masyarakat tersebut serta sesuatu peristiwa yang berlaku dalam masyarakat itu. Sebagai contohnya lagu 'Kolang Kotang Angguk-Angguk' adalah berdasarkan kepada satu cerita yang terjadi kepada seorang isteri iaitu:

'Seorang isteri yang ditinggalkan oleh suaminya sentiasa berada di dalam kesepian. Untuk menghilangkan kesepian itu, ia telah pergi menangguk udang dan telah ber-sahabat dengan seekor lintah. Lintah ini telah menunjukkan tempat yang banyak udang. Akhirnya, suaminya telah pulang dan si isteri itu tidak lagi pergi menangguk udang. Dengan ini lintah itu ternanti-nanti kedatangan si isteri tersebut sambil bergurindam seperti; 'Kolang kotang angguk-angguk, kawan kau pulang tak datang menangguk'⁸

Selain dari itu, lagu 'Tiga Beranak' pula menggambarkan satu keluarga yang terdiri dari bapa, emak dan seorang anak perempuan beserta dengan jiran tetangga mereka bersama-sama menjalankan kerja-kerja menanam padi. Gambaran ini jelas terihat dalam senikata lagu 'Tiga Beranak'.⁹

Selain dari aspek sosial dan ekonomi, gambaran lagu-lagu dalam permainan Tumbuk Kalang juga menggambarkan percintaan muda-mudi pada masa dahulu dan pertentangan yang timbul berkaitan dengan memilih jodoh. Ini dapat dilihat di dalam lagu 'Timang Kak Janda'.¹⁰ Lagu-lagu ini mengisahkan kehidupan seorang ibu dan dua orang anak perempuan iaitu Si Timang dan Si Dara serta seorang teruna yang bernama Bujang. Kedua-dua orang gadis ini menaruh hati kepada Bujang manakala Bujang juga bersikap demikian khususnya kepada Si Dara. Namun perhubungan kedua-duanya tidak diresutui oleh orang tua Si Dara yang masih kuat berpegang kepada adat iaitu perkahwinan teruna dan dara adalah pilihan keluarga seperti pantun lagu 'Timang Kak Janda' iaitu:

Marah ibu bukan kepalang,
belum bertunang sudah berpegang,
anakny Dara disuruh pulang,
Bujang dihalau sepak terajang.

Lagu ini juga memperlihatkan dua golongan yang bertentangan iaitu satu golongan watak yang masih kuat berpegang kepada adat tradisi dan golongan yang satu lagi inginkan kebebasan. Watak yang masih berpegang kepada adat tradisi ialah ibu Si Timang dan Si Dara dan watak yang inginkan kebebasan ialah anak-anak perempuannya di dalam soal memilih jalan hidup seperti pantun berikut:

Balik Bujang ke rumah seberang,
Si Timang Janda ikut belakang,
Bujang sebenar anak raja Palembang
sengaja jangan diketahui orang.

8 Cerita ini diberi oleh Encik Abdul Latif bin Oyek.

9 Lihat Lampiran 2.

10 Lihat Lampiran 3.

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa di dalam masyarakat kampung telah timbul sikap penentangan terhadap adat tradisi yang masih kuat dipegang oleh golongan tua di mana golongan muda ingin melepaskan diri dari ikatan adat tradisi tersebut.

Dalam persembahan Tumbuk Kalang, setiap kumpulan mempersembahkan lagu-lagu yang berbeza. Misalnya di daerah Tampin iaitu di Gemenceh dan Johol, lagu Kuda Kepang dipersembahkan. Di daerah Kuala Pilah pula lagunya dikenali dengan nama lagu Kuda Berontak. Jumlah antan dan pemain muzik di dalam sesuatu lagu itu juga berbeza-beza. Dalam lagu Kambing Berlaga di Gemenceh, terdapat seorang pemain yang menggunakan dua batang antan di dalam permainan itu tetapi di Kuala Pilah pula hanya sebatang antan saja. Selain dari itu, terdapat perbezaan dari segi nama beberapa buah lagu seperti lagu Tupai Mengeket atau lagu Ratib Jalan, lagu Kolang Kotang Angguk-Angguk atau lagu Rinduan Kasih dan lagu Gegar Bacang atau lagu Hujan Berderau. Walau bagaimanapun rentak dan irama lagu-lagu ini adalah sama.

Menurut informan-informan yang ditemubual, fungsi utama permainan muzik Tumbuk Kalang pada masa lalu ialah sebagai alat hiburan khusus kepada anggota pesawah padi di kampung-kampung. Ini adalah kerana tidak terdapat jenis hiburan moden pada masa itu. Jadi permainan Tumbuk Kalang ini merupakan media hiburan anggota masyarakat tersebut.

Permainan Tumbuk Kalang juga berfungsi sebagai menandakan bermulanya musim menuai padi dan temasya mengemping di kalangan masyarakat petani. Jadi apabila mendengar tumbukan antan permainan Tumbuk Kalang setiap anggota masyarakat kampung itu akan bersiap sedia untuk bergembira di dalam temasya tersebut. Justeru itu dikatakan bahawa muzik Tumbuk Kalang merupakan satu alat komunikasi yang memberi petanda akan bermulanya sesuatu upacara atau temasya di kampung tersebut. Hal yang demikian juga terdapat di dalam persembahan muzik teater tradisional seperti persembahan Wayang Kulit dimana lagu Bertabuh dimainkan sebagai memberi tanda kepada anggota masyarakat bahawa persembahan akan bermula.

Lazimnya Tumbuk Kalang akan dipersembahkan oleh golongan muda-mudi. Dengan ini dapatlah mereka bersuamuka dan berkenalan semasa mengemping padi dan bermain Tumbuk Kalang. Kadangkala perkenalan itu akan membawa ke jinjang pelamin. Oleh yang demikian, permainan ini merupakan satu media yang membolehkan belia kampung memilih pasangan masing-masing. Permainan Tumbuk Kalang dapat merapatkan tali persaudaraan serta kemesraan di antara keluarga dan juga dengan anggota kampung lain yang berdekatan kerana mereka juga datang bersama-sama di majlis mengemping padi.

Selain dari itu, permainan Tumbuk Kalang dapat melahirkan perpaduan di kalangan anggota-anggota masyarakat di kampung itu seperti kata perbilangan di bawah:

Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai

Seciap seperti ayam
Sedencing seperti ayam
Malu tak boleh diagih
Suku tak boleh dianjak
Melompat sama patah
Menyerudup sama bongkok
Jalan sedundun
Selenggang seayun.¹¹

Selain dari persefahaman yang dapat diwujudkan di dalam permainan Tumbuk Kalang ini, anggota keluarga dan masyarakat itu saling bantu membantu di antara satu sama lain tanpa mementingkan diri sendiri di dalam menjalani sesuatu pekerjaan seperti dalam kerja-kerja mengemping padi dan juga kegiatan seharian mereka. Kerjasama dan saling bantu membantu di kalangan anggota masyarakat ini akan menghasilkan sesuatu yang baik. Jelaslah bahawa masyarakat petani merupakan satu masyarakat yang mengamalkan prinsip hidup bantu membantu di antara satu sama lain seperti kata perbilangan berikut:

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Yang tak ada sama dicari
Sama sakit sama senang
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni
Sama menghayun sama melangkah
Jika khabar baik diberitahu
Jika khabar buruk serentak didatangi
Jika jauh ingat mengingat
Jika dekat temu menemui
Dapat sama laba
Hilang sama rugi.¹²

Kesimpulannya dapatlah kita rumuskan bahawa permainan Tumbuk Kalang yang terdapat di kalangan pesawah padi di Negeri Sembilan membawa berbagai fungsi kepada anggota masyarakat itu. Di antara yang utama ialah sebagai hiburan kepada pesawah-pesawah padi semasa menjalankan temasya mengemping padi pada setiap kali musim menuai padi. Di samping memberi hiburan kepada anggota pesawah padi tersebut, secara tidak langsung permainan Tumbuk Kalang ini berfungsi mengwujudkan persefahaman, perpaduan dan saling bantu membantu di antara anggota keluarga serta mempereratkan lagi tali persaudaraan di antara mereka. Dengan itu, permainan Tumbuk Kalang ini merupakan satu alat yang penting dalam mengwujudkan satu komuniti yang dapat hidup dengan aman dan harmoni di dalam sesebuah kampung.

11 Dr. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1982, hlm. 13.

12 *Ibid*, hlm. 12.

Lampiran 1

Senarai lagu dalam permainan Tumbuk Kalang

1. Lagu Tumbuk Emping.
2. Lagu Keket.
3. Lagu Kang Kang Kap.
4. Lagu Kambing Berlaga.
5. Lagu Kuda Berontak.
6. Lagu Timang Kak Jando.
7. Lagu Tiga Beranak.
8. Lagu Berbarau Seberang Jelai.
9. Lagu Cai Kulu.
10. Lagu Kancing Pintu.
11. Lagu Dua Beranak.
12. Lagu Dua Beradik.
13. Lagu Janda Beranak Satu.
14. Lagu Banyak Anak.
15. Lagu Ratip Jalan.
16. Lagu Terinai.
17. Lagu Sinya.
18. Lagu Tebing Gurut.
19. Lagu Gegar Bacang.
20. Lagu Patah Lambung.
21. Lagu Tupai Menegur.
22. Lagu Siamang Tergerau.
23. Lagu Cencang Rebung.
24. Lagu Timun Jawa.
25. Lagu Kak Endun.
26. Lagu Turun Naik.
27. Lagu Titian Permatang.
28. Lagu Gedombak.
29. Lagu Pong Along Along.
30. Lagu Pelanduk Hujung Tanjung.¹³

Lampiran 2

Senikata lagu Tiga Beranak:

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
Buat semaian tepi perigi,
Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

¹³ Diperolehi dari catatan Encik Said bin Gantang PJK, Ketua Kumpulan Tumbuk Kalang Felda Kumpang Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
siap semaian menyemai padi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
mencangkul meluluk sawah menjadi

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
orang menolong kanan dan kiri.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
mengubah padi sawah menjadi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
turun pula merumput padi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
pasang ubur tengah hari.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
halau burung habis lari.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
rendang padi dalam kualiti.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
tumbuk padi emping menjadi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Tiga beranak musim ke sawah,
tiga beranak musim ke sawah,
hidangan makan masa kenduri.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Anak dan emak serta abah,
anak dan emak serta abah,
selamat ke sawah setahun lagi.

Korus: Cantik manis gunung payung sayang
padi ke sawah padi.

Lampiran 3

Senikata Lagu Timang Kak Janda

Si Timang Janda kakaknya seorang
adiknya Dara cantik gemilang
ibunya sayang bukan kepalang
walaupun ia bertiga orang.

Bekerjasama serta riang
dari pagi sampai petang
Bujang duduk di sungai seberang
seorang diri turun ke bendang.

Padi cantik bukan kepalang
sedap di hati mata memandang
padi pulut padi renggang
jadi beras masuk balang.

Makan nasi berasa kenyang
Bujang terkenang Dara seberang
niat hati hendak menyeberang
takut ibunya akan berang.

Bukan Bujang sahaja terkenang
Dara juga hati tak senang
sedang Bujang bermenung seorang
Si Timang Janda cuba menyeberang.

Tibanya aral datang melintang
Si Timang jatuh sungainya tenang
Bujang turun terus berenang
tolong Si Timang yang dapat malang.

Ibunya suka bukan kepalang
mengajak Bujang ke rumah berulang
Dara dan Bujang berpandang-pandangan
pucuk dicita ulam mendatang.

Peluang terbuka berpegang-pegang
dari pagi hingga ke petang
Dara mengajak berjalan si Bujang
malam sejuk bulan terang.

Si Timang sedih bukan kepalang
melihat Dara bersama Bujang
belum bertunang sudah berpegang
Si Timang Janda ikut belakang.

Sudah berpegang tercengang-cengang
belum nikah terkenang-kenang
Bujang mengajak Dara pulang
Dara nak tunggu hari siang.

Ibu di rumah berhati walang
Dara dan Timang belum pulang
ayam berkokok hari nak siang
ibu bangun mengambil andang

Lagi bersuluh di bulan terang
mencari anak tak pulang-pulang
sangka buruk saja terkenang
takut anaknya mendapat malang.

Jumpa Dara bersama Bujang
ia sedang berpegang-pegang
tidak sedar ibunya datang
Si Timang duduk jauh ke belakang.

Marah ibu bukan kepalang
belum bertunang sudah berpegang
anaknya Dara disuruh pulang
Bujang dihalau sepak terajang.

Balik Bujang ke rumah seberang
Si Timang Janda ikut belakang
Bujang sebenar anak raja Palembang
sengaja jangan ditahui orang.

Bujang sebenar anak raja Palembang
supaya jangan ditahui orang
baliklah Bujang ke tanah seberang
hendak nikah dengan si Timang.

Tanah Palembang tanah seberang
Datuk penghulu namanya Bujang
Si Timang Janda bininya seorang
taat setia tidak terbilang.

Dapat anak yang manja seorang
Si Timang Janda ingin nak pulang
Datuk Bujang tak dapat halang
kerana kasih bercampur sayang.

Ibu mertua suka kepalang
mendengar menantu Datuk Palembang
hiaskan rumah terang benderang
sampai Bujang di hari petang.

Ibu mertua tercengang-cengang
melihat cucu sedang ditimang
tak sedar jatuh kain selendang
menyambut cucu yang baru pulang.

Mertua menantu sesama sayang
dapat cucu berbilang-bilang
duduk bersama serta riang
habislah sudah kesah Si Timang.